



Tun Dr Mahathir bersama Dr Ismail (dua dari kiri); Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC), Tan Sri Abu Kassim dan Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Dr Mazlan Yusoff (kanan) pada majlis pelancaran 'myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir di Putrajaya, semalam.

Dalam laporan terkini 'Ease of Doing Business Report 2019' oleh Bank Dunia, kedudukan Malaysia telah melonjak dari tempat 24 kepada kedudukan ke-15 dalam kalangan 190 negara"

**Dr Mahathir Mohamad**  
Perdana Menteri

# myPortfolio mantapkan sektor awam

> Dasar mesra perniagaan tingkat daya saing peringkat global

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Panduan Kerja Sektor Awam yang diperkenalkan kerajaan adalah sistem pengurusan strategik yang mampu memantapkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, myPortfolio antara lain sebagai komitmen kerajaan untuk terus mewujudkan persekitaran kondusif yang menyokong kepada peningkatan daya saing peringkat global melalui pelbagai dasar mesra perniagaan.

Panduan dikeluarkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri yang berkuat kuasa 12 Julai 2018 itu dijadikan rujukan dalam penyediaan dokumen berkaitan prosedur, proses kerja dan tanggungjawab lebih teratur di peringkat jabatan serta individu.

Perdana Menteri berkata, inisiatif myPortfolio membolehkan penjawat awam tahu apa yang perlu dibuat dalam melaksanakan tugas mereka dengan pegawai lain.

"Proses ini juga memudahkan penyelia memantau status pelaksanaan tugas dan mengambil tindakan

pembetulan jika berlaku kelewatan," katanya ketika melancarkan myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir di sini, semalam.

Yang turut hadir, anggota Kabinet serta Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar.

## 94.1 peratus penggunaan

Difahamkan, sehingga hujung bulan lalu, myPortfolio sudah mencapai 94.1 peratus penggunaan yang dimanfaatkan penjawat awam bagi melaksanakan tugas dan menambah baik manual prosedur kerja serta fail meja terdahulu.

Dr Mahathir berkata, komitmen kerajaan menyokong peningkatan daya saing peringkat global melalui pelbagai dasar mesra perniagaan telah membuahkan hasil apabila Malaysia menunjukkan pencapaian membanggakan dalam

pengiktirafan antarabangsa.

"Dalam laporan terkini *Ease of Doing Business Report 2019* oleh Bank Dunia, kedudukan Malaysia telah melonjak dari tempat 24 kepada kedudukan ke-15 dalam kalangan 190 negara.

"Kedudukan ini meletakkan Malaysia mengatasi beberapa negara maju seperti Perancis, Switzerland dan Jepun. Kita juga berada pada kedudukan keenam Asia Pasifik selepas New Zealand, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua pencapaian itu amat penting kerana ia mengiktiraf Malaysia sebagai negara mesra perniagaan.

"Selain itu, ia mengiktiraf Malaysia sebagai negara mempunyai tadbir urus korporat yang meyakinkan dan cemerlang.

"Perniagaan bukan sahaja aktiviti utama kepada peningkatan kekayaan negara, malah mening-

katkan peluang pekerjaan dan cukai untuk dana kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, pengiktirafan itu tidak statik dan semua pihak tidak harus berpuas hati dan berhenti berusaha memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam sedia ada.

"Saya ingin mengingatkan semua anggota kerajaan bahawa sistem atau cara melakukan sesuatu, walau bagaimana baik sekali pun, tidak akan berjaya jika pengamal sistem tidak gunanya dengan jujur, disiplin dan semangat," katanya.

Sempena pelancaran myPortfolio, MAMPU turut mengeluarkan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir yang memperincikan lagi pelaksanaan penyediaan cara alir aktiviti utama di jabatan kerajaan, yang mana ia perlu dipaparkan di tempat strategik di premis kerajaan.